

03/09/1998

Pastikan khidmat bas, teksi lancar

KUALA LUMPUR, Rabu - Kementerian Pembangunan Usahawan hari ini mengarahkan pegawainya memantau sistem pengangkutan di ibu kota untuk memastikan tiada masalah dihadapi, terutama menjelang Kuala Lumpur 98-Sukan Komanwel XVI (KL '98)

Menterinya, Datuk Mustapa Mohamed, berkata jaminan sudah diterima daripada pemandu teksi, bas, Airport Limo dan LRT, Rabu lalu untuk membantu memastikan perkhidmatan sistem pengangkutan awam berjalan lancar sebelum dan sepanjang berlangsung KL '98.

"Semua pemandu kenderaan awam seperti teksi, bas Airport Limo dan LRT sudah memberi jaminan menjayakan agenda nasional-KL '98," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat peringkat kementerian, di sini hari ini.

Menurutnya, pegawai penguatkuasa Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) sudah diarah menjalankan tugas rondaan dan membantu mengatasi masalah yang mungkin berbangkit berikutan peningkatan jumlah orang ramai bertumpu ke ibu kota sepanjang KL '98.

Kementerian juga, katanya, akan menempatkan pegawai penguatkuasa di balai ketibaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) untuk membantu melicinkan sistem pengangkutan sepanjang KL '98.

Mengulas dakwaan seorang wartawan asing yang menghadapi masalah pengangkutan awam, termasuk bas dan teksi di Hotel Mint - Pusat Akhbar Utama KL '98, Mustapa berkata arahan sudah dikeluarkan kepada pegawainya untuk menyiasat dan mengatasi masalah itu.

"Kita akan hantar pegawai petang ini juga untuk siasatan dan mengatasi masalah jika benar ia berlaku," katanya.

Sementara itu, seramai 700 pemandu teksi dan bas sudah mendaftar menyertai Larian Duta bertempat di perkarangan Hentian Duta, Ahad ini.

Larian yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu mensasarkan 1,500 pemandu teksi dan bas dari sekitar Lembah Klang mengambil bahagian.

Mustapa berkata, matlamat Larian Duta itu antara lain mempromosikan KL '98 dan menunjukkan komitmen pemandu teksi dan bas bagi memberi perkhidmatan terbaik sepanjang temasya sukan kedua terbesar di dunia itu.

Selain itu, katanya, larian berkenaan bertujuan mempromosi Hentian Duta yang semakin mendapat sambutan orang ramai sejak kebelakangan ini.

Ketika ini ada 19,000 pemandu teksi dan 3,000 bas di sekitar Lembah Klang.

Sehubungan itu, beliau menyeru pemandu teksi dan bas mengambil bahagian dalam Larian Duta berkenaan dan mempersiapkan diri menjayakan KL '98.

(END)